

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 27, 2019 2:41 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Meraih Cinta Allah Dengan Al-Quran



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

27 MAC 2019 / 20 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MERAIH CINTA ALLAH DENGAN AL-QURAN



UUM ONLINE: Tanpa disedari, manusia banyak menghabiskan masa dengan melihat telefon bimbit dan gajet berbanding al-Quran iaitu satu mukjizat yang membawa peringatan sejak 1,400 tahun lalu.

"Mengapa al-Quran tidak disukai? kerana kita bukan berjiwa hamba. Sebab itu bila imam baca surah al-ikhlas hati berdetik, *tak best*, bila baca al-khafi..*kenapa panjang sangat?*

“Kita tidak mudah ditipu oleh Dajjal kerana iman yang amat kuat dan iman itu datang daripada al-Quran,” kata Fazrul Ismail dalam Tadabbur Dan Tazakkur Kehebatan Surah Al-Kahfi Bersama Fazrul Ismail sempena UUM *Quran Hour 3.0* yang berlangsung di Pusat Islam, semalam.

Program yang dibawakan oleh Yayasan Warisan Ummah Ikhlas dengan kerjasama Sahabat YADIM dan Pusat Islam UUM bermatlamat untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap Al-Quran.

Soalnya, bagaimana nak jadi orang yang sentiasa bersyukur dengan al-Quran jika tidak ada sifat seorang hamba?

“Bila dibacakan Alif, Lam, Mim, kita tidak sabar untuk mendengar ayat-ayat seterusnya itu tandanya kita memiliki hati seorang hamba.

“Bagaimana nak kuatkan iman? tidak perlu pergi ke Gaza untuk berjihad tetapi menolak selimut untuk bangun solat dan menolak keselesaan untuk membantu orang lain dan semua itu memerlukan keimanan,” ujarnya.

Allah berfirman dalam pada ayat 1 yang bermaksud: *Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad), Kitab suci Al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong):*

“Iman ada naik turunnya, tinggi iman bermakna tinggi sabar, rendah iman rendah sabarnya.

“Al-Quran juga meluruskan cara kita berfikir dan berperasaan misalnya jika rasa tidak semangat, malas atau mahu ponteng kelas, al-Quran akan luruskan semula, ingatlah ayat, *Allah memberi ganjaran yang tidak putus-putus* supaya kita terus terinspirasi melakukan kebaikan,” luahnya dari Rumah Ngaji.

Rasulullah bersabda: *Siapa yang menghafal sepuluh ayat pertama dari surat Al-Kahfi, maka ia akan terlindung dari fitnah Dajjal.*”

“Fitnah berkaitan dengan hidup dan menghadapi ujian manakala konsep ujian pula ada yang belajar dari kemalangan, bankrap, putus cinta atau orang yang dicintai memedihkan hati dan semua itu tiada dalam silibus di universiti.

“Kita dapat pegang al-Quran pada hari ini hasil perjuangan pemuda terdahulu jadi kita perlu bersyukur dengan nikmat al-Quran dan lebih daripada itu memberi manfaat kepada orang.

Jelasnya, pada era 60-an al-Quran tidak dibenarkan di Turki sehinggakan umat Islam terpaksa menanam al-Quran di kandang kuda jika rindu membacanya, mereka akan mengorek semula dengan bau najis kuda menusuk hidung.

“Kini, al-Quran boleh disusun dirak, sebenarnya inilah perjuangan orang terdahulu jadi bersyukur Allah tidak tinggalkan kita bersendirian tetapi memberi kita SOP untuk uruskan alam agar memberi manfaat.

Tambahnya, generasi muda yang suka bermain game perang dan perkara yang melalaikan adakalanya boleh mencetuskan rasa tembak menembak itu perkara normal atau biasa.

“Maka nilai yang ada akan bengkok dan *games* boleh membengkokkan seorang pelajar akhirnya membawa kepada perkara negative seperti keganasan.

Jadi katanya, al-Quran membawa peringatan dan *Quran Hour* lambang kesungguhan untuk kembali kepada al-Quran dengan melakukan pelbagai inovasi untuk meningkatkan kefahaman agar memberi semangat dan mendapat roh untuk memberi manfaat.

Lihat kipas nampak hebatnya Allah yang memberi keselesaan dan di sebalik kipas nampak gunung kerana elektrik dialir melalui sungai yang datang dari gunung jadi al-Quran mengajak kita berfikir dengan mengaitkan 1 dengan yang lain,” ulasnya.

Sambutan Quran Hour itu turut disertai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali yang menyambut baik program tersebut bagi menyuburkan amalan membaca, memahami dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan.

Sementara itu, Pengarah program, Muhammad Aizuddin Johari berkata, dia berharap semua umat Islam dapat bersama-sama meraih cinta Allah dengan al-Quran.

“*Quran Hour* kali ketiga diadakan di UUM dalam usaha kita mengimarahkan masjid untuk menggalakkan belia dekat dengan masjid tambahan pula Ramadan al-mubarak bakal menjelang tidak lama lagi.

“Alhamdulillah sambutan amat menggalakkan dengan kehadiran seramai 320 warga kampus yang terdiri daripada mahasiswa, staf dan masyarakat setempat bersama-sama tadabbur dan tazakkur kehebatan surah al-Kahfi.

“Majlis bacaan Quran yang diselitkan dengan penghayatan ibrah surah al-Kahfi menjadikan peserta lebih memahami kandungan surah dan mempraktikan dalam kehidupan seharian,”katanya.

Surah itu menceritakan pemuda yang mempertahankan aqidah mereka ketika zaman yang penuh maksiat lalu melarikan diri ke sebuah gua dan tertidur selama 300 tahun.

Kisah ini dikaitkan dengan mahasiswa yang rata-ratanya remaja yang mudah terpengaruh dengan gejala negatif selain mengingatkan mahasiswa menjaga diri dari terjebak dengan maksiat.

“Remaja merupakan aset negara, mereka perlu dimantapkan dengan persediaan rapi serta mencontohi keimanan yang ditunjukkan oleh ashabul kahfi bagi mencorak negara ini pada masa hadapan

Manakala peserta, Syaza Md Radzi berkata, al-Quran bukan sekadar kitab biasa yang dibaca begitu sahaja sebaliknya memerlukan pemahaman terhadap ayat-ayat tanpa ada keraguan dalam membacanya.

“Saya percaya sebagai seorang yang beragama Islam sepatutnya Al-Quran menjadi budaya dalam hidup dan bacaan rutin mahasiswa yang dalam perjalanan menuju ke alam yang mencabar.

“Al-Quran banyak memberi nasihat kepada kita dari semua aspek apatah lagi mahasiswa terdedah dengan pelbagai godaan dan fitnah namun jika mengamalkan Al-Quran dia pasti selamat dan mendapat kejayaan dunia akhirat,” kata siswi Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling).





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.